



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**CORAK PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM KONTEKS TIGA JENIS
PENDIDIKAN PRASEKOLAH; PRASEKOLAH SEKOLAH
KEBANGSAAN, TABIKA KEMAS DAN
PRASEKOLAH SWASTA**

**HASSAN AZAHARI BIN YUNUS
M20031001372**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku disertasi ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12.1.2007³²



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HASSAN AZAHARI BIN YUNUS

M20031001372



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iii

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

12.1.2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HASSAN AZAHARI BIN YUNUS

M20031001372



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dipanjatnya doa kepada Illahi dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. setelah beberapa ketika meniti pasang surut keazaman dalam menempuh gelombang pencarian ilmu, akhirnya tiba ketikanya dayung dihentikan dahulu di persinggahan sarjana ini. Dengan lengkapnya disertasi ini bukannya bermakna tamatnya tempoh berkelana di UPSI untuk berguru kepada pendita dalam mencari ilmu. Semoga bekal sedikit yang diperoleh ini akan mampu dimanfaatkan sebagai benih-benih yang memberi harapan dan keceriaan buat generasi anak bangsa.

Dalam perjalanan ini, jasa para pendita yang tulus dalam menurunkan ilmu tidak mungkin dapat dibalas. Ribuan terima kasih kepada yang dihormati Profesor Emeritus Datuk Isahak Haron kerana keprihatin beliau dan tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar agar terang dan lancar perjalanan disertasi ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak pentadbiran, guru-guru dan pembantu prasekolah di ketiga-tiga prasekolah kerana tanpa kebenaran dan kerjasama yang diberi, nescaya tidak tercetusnya isu yang menjadi menariknya kajian ini dan tidak akan berjayanya tujuan penulisan ini. Terima kasih juga kepada para ibu bapa yang sudi ditemu bual dan bekerjasama untuk membantu saya menyiapkan tugas yang mencabar ini. Pengalaman menjalankan kajian ini memberi banyak erti kepada telaga pengalaman dan pengetahuan yang cetek ini.

Jutaan terima kasih juga buat bonda, isteri dan anak-anak pelita hati yang memberi peransang dan memahami tugas dan bebanan yang dipikul ini. Dengan doa dan kata-kata semangat yang tidak putus-putus daripada kalian, alhamdulillah terlerai segala kesulitan. Sesungguhnya perjalanan mendapatkan tingkat sarjana pada kali ini benar-benar menguji kesabaran, ketekunan dan kecekalan.





ABSTRAK

Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat dan membandingkan corak penglibatan ibubapa dalam pendidikan di prasekolah anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa ini dikaji di tiga jenis prasekolah, iaitu sebuah prasekolah Sekolah Kebangsaan, sebuah Tabika Kemas dan sebuah prasekolah swasta. Kajian terhadap amalan ibu bapa dan guru-guru dalam kepelbagaian dimensi penglibatan ibu bapa ini disesuaikan daripada tipologi Epstein sementara analisis terhadap bentuk hubungan, penglibatan dan tahap perkongsian peranan ibu bapa dan guru yang wujud di ketiga-tiga prasekolah tersebut dirumuskan pula mengikut model Wolfendale. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa akibat daripada perbezaan latar kelas sosio ekonomi ibu bapa, latar ikhtisas guru tadika , dan corak organisasi prasekolah. Keputusan kajian juga mendapati hanya bentuk hubungan yang minima, penglibatan yang sederhana dan tiada berlakunya perkongsian antara ibu bapa dengan guru dalam pendidikan prasekolah Sekolah Kebangsaan dan prasekolah swasta. Manakala di Tabika KEMAS pula berlakunya bentuk hubungan yang sederhana, penglibatan yang agak banyak dan terdapatnya perkongsian antara ibu bapa dengan guru. Perbezaan struktur organisasi dalam konteks tiga jenis prasekolah yang dikaji menunjukkan prasekolah Sekolah Kebangsaan terikat dengan karenah birokrasi dan penuh dengan pelbagai prosedur telah mewujudkan hubungan yang formal antara ibu bapa dengan guru. Di Tabika KEMAS, hubungan yang wujud antara ibu bapa dengan guru lebih didapati lebih mesra kerana penubuhan Tabika KEMAS ialah berdasarkan permintaan ahli masyarakat. Sikap saling memerlukan antara ibu bapa dan guru demi kebijakan pendidikan kanak-kanak telah mencetuskan suasana yang lebih terbuka dan penglibatan ibu bapa yang lebih aktif. Sementara hubungan dan penglibatan ibu bapa di prasekolah swasta lebih berbentuk kepada hubungan antara pembekal dengan pelanggan, di mana ibu bapa menganggap prasekolah sebagai pembekal pendidikan yang boleh dibeli perkhidmatannya. Manakala pihak prasekolah pula menganggap ibu bapa dan anak-anak hanya sebagai pelanggan kepada perkhidmatan yang disediakan.



PARENTS INVOLVEMENT PATTERN IN CONTEXT OF THREE TYPES OF PRESCHOOL; SEKOLAH KEBANGSAAN, TABIKA KEMAS AND PRIVATE PRESCHOOL.

ABSTRACT

The main objective of this study is to obtain a description of multi effort and roles played by parents and teachers in supporting parental involvement in three types of preschool – Sekolah Kebangsaan preschool, Tabika KEMAS and a private preschool. The criteria on involvement in preschool education is based on Epstein's typology. Whereas, the type of the relationships, involvement and partnership in parents' involvement is based on Wolfendale model. Research of this study results show that the differences in parents social economic class, teachers professional background and type of preschool organization affect the type and degree of parental involvement in preschool activities. The differences in organization structure and the context of the operation of this three types of preschool center affect the type of degree of parental involvement in preschool activities. The results of this study show that Sekolah Kebangsaan preschool bounded by bureaucratic procedure including rules and procedures about parents association with preschool. Meanwhile, Tabika KEMAS operates within the community. Relationships between Tabika KEMAS teachers and parents are found to be more friendly. The parents are free to be involve in the preschool activities. Parents and teachers depend on each other for the benefits of their children and this has cause on more open and active parents involvement. In private preschool, relationship between the preschool and the parents are based largely on 'commercial orientation' that is a preschool center as supplier on preschool services and the children and parents as their customers. The parents seem to have more say in what their children should learn especially the 3R (writing, reading and arithmetic) in English and Mandarin and other co-curriculum activities like computer class, music class and tae-kwondo. The preschool center itself produce formal feedback to the parents about their children.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN

ii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penglibatan ibu bapa	3
1.3	Pernyataan permasalahan	7
1.4	Tujuan kajian	11
1.5	Persoalan kajian	11
1.6	Kepentingan kajian	12
1.7	Batasan kajian	13
1.8	Definisi	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

23

2.1	Kriteria penglibatan ibu bapa	24
2.2	Penglibatan ibu bapa	28





2.2.1	Sikap ibu bapa	28
2.2.2	Peranan ibu bapa	31
2.3	Persekutaran pembelajaran di rumah	32
2.4	Hubungan guru - ibu bapa	34
2.5	Iklim persekolahan dan penglibatan ibu bapa	37
2.6	Hubungan penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik	40
2.7	Kekangan penglibatan ibu bapa	42
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Kajian kes tiga buah prasekolah	47
3.1.1	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pengkalan Pulau	48
3.1.2	Tabika KEMAS	50
3.1.3	Taska dan Tabika MM Eduworld	51
3.1.4	Ibu bapa	53
3.2	Pengukuran	54
3.3	Kaedah mendapatkan maklumat dan data	55
3.3.1	Pencalonan	55
3.3.2	Temu bual	56
3.3.3	Pemerhatian	57
3.4	Kaedah penganalisisan data	58



BAB 4	ANALISIS DATA DAN INTERPRETASI	60
4.1	Adakah terdapat perbezaan latar belakang ibu bapa mempengaruhi pemilihan pusat prasekolah?	60
4.1.1	Latar pekerjaan ibu bapa	60
4.1.2	Latar pendidikan	63
4.1.3	Pemilihan prasekolah	63
4.1.3.1	Kewangan	64
4.1.3.2	Guru	66
4.1.3.3	Kurikulum	67
4.1.3.4	Perkembangan sosial	69
4.1.3.5	Pendedahan kepada persekitaran persekolahan	71
4.1.3.6	Lokasi dan keselamatan	72
4.1.3.7	Faktor-faktor lain	74
4.2	Sejauh manakah ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan prasekolah?	76
4.2.1	Sejauh manakah ibu bapa melibatkan diri bagi mengukuhkan pembelajaran?	77
4.2.1.1	Menggalakkan amalan murni di rumah	77
4.2.1.2	Mengukuhkan kemahiran membaca, menulis, mengira dan mengembangkan bakat seni	81
4.2.1.3	Menyediakan persekitaran pembelajaran	84
4.2.2	Sejauh manakah ibu bapa melibatkan diri dalam menyumbangkan kepakaran atau sebagai rujukan?	87



x

4.2.3 Sejauh manakah ibu bapa melibatkan diri dalam menyumbangkan tenaga dan bahan?	90
4.3 Sejauh manakah guru-guru memainkan peranan dalam merealisasikan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah?	94
4.3.1 Sejauh manakah guru-guru memainkan peranan dalam membantu ibu bapa dengan kemahiran keibubapaan?	95
4.3.1.1 Membantu meningkatkan kemahiran ibu bapa	96
4.3.1.2 Menyediakan maklumat tentang perkembangan kanak-kanak	96
4.3.1.3 Menyediakan maklumat untuk membantu prasekolah memahami keluarga dan ibu bapa memahami prasekolah	99
4.3.2 Sejauh manakah guru-guru memainkan peranan dalam mengendalikan komunikasi efektif?	105
4.3.3 Sejauh manakah guru-guru memainkan peranan dalam mengendalikan khidmat sukarela?	116
4.3.4 Sejauh manakah guru-guru berperanan membantu melibatkan ibu bapa dengan pembelajaran di rumah?	123
4.3.5 Sejauh manakah guru-guru melibatkan ibu bapa dalam membuat keputusan?	126





4.3.6 Sejauh manakah guru-guru melibatkan ibu bapa dalam perkongsian bersama komuniti?	128
4.4 Permasalahan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah	129
4.5 Adakah terdapat perbezaan bentuk penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di prasekolah Sekolah Kebangsaan, Tabika KEMAS dan MM Eduworld?	134
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	140
5.1 Bagaimanakah ibu bapa memilih prasekolah untuk anak-anak mereka?	140
5.2 Bagaimanakah ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak mereka? Adakah terdapat perbezaan penglibatan ini antara ibu bapa di prasekolah SKPP, Tabika KEMAS dan MM Eduworld?	142
5.3 Bagaimanakah ibu bapa membantu prasekolah?	149
5.4 Sejauh manakah guru membantu ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan prasekolah?	152
5.5 Pengaruh sistem organisasi prasekolah terhadap corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah	156
5.6 Corak Penglibatan	159
5.7 Cadangan	160





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Senarai singkatan/simbol

Rujukan

Lampiran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Kunci kejayaan perkongsian sekolah, ibu bapa dan komuniti mengikut enam jenis penglibatan Epstein	25
3.1 Pengekodan latar dan amalan guru	58
3.2 Pengekodan latar dan amalan ibu bapa	59
4.1 Jenis pekerjaan ibu bapa	61
4.2 Tahap pendidikan ibu bapa	63
4.3 Faktor pemilihan ke prasekolah	75
4.4 Peranan ibu bapa dalam mengukuhkan pembelajaran	86
4.5 Peranan ibu bapa dalam menyumbangkan kepakaran atau sebagai rujukan	87
4.6 Peranan ibu bapa dalam memberi sumbangan tenaga dan bahan	93
4.7 Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	104
Jenis 1 – Keibubapaan : Tanggungjawab asas keluarga	
4.8 Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	115
Jenis 2 – Komunikasi : Tanggungjawab asas prasekolah	





4.9	Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	116
	Jenis 3 – Khidmat sukarela : Penglibatan untuk prasekolah	
4.10	Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	126
	Jenis 4 – Pembelajaran dirumah : Penglibatan dalam aktiviti akademik	
4.11	Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	128
	Jenis 5 – Pembuat keputusan : Penyertaan dan kepimpinan	
4.12	Corak hubungan dan penglibatan ibu bapa dengan prasekolah.	129
	Jenis 6 – Perkongsian bersama komuniti	
4.13	Perbandingan masalah penglibatan ibu bapa	134
4.14	Ibu bapa dan prasekolah : Hubungan dan penglibatan yang berterusan Mengikut model Wolfendale	139
5.1	Corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah	165





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Pembentukan kanak-kanak	7
1.2 Formula pendidikan MacBeth	9



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

MME	-	Moru Mind Eduworld
MPIBGP	-	Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Guru Prasekolah
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SKPP	-	Sekolah Kebangsaan Pengkalan Pulau
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
Tabika KEMAS	-	Taman Bimbingan Kanak-kanak Kemajuan Masyarakat
3M	-	Membaca, menulis dan mengira
3R	-	Reading, writing and arithmetic



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAMPIRAN

Lampiran A : Warta Kerajaan 26 Mac 1998. Perundangan Akta Pendidikan 1996

Lampiran B : Jadual temu bual guru besar, guru, ibu bapa/penjaga

B1 – Prasekolah SKPP

B2 – Tabika KEMAS

B3 – Tabika MM Eduworld

Lampiran C : Panduan temubual dengan guru/kakitangan prasekolah

Lampiran D : Panduan temubual dengan ibu bapa/penjaga

Lampiran E : Contoh temubual dengan ibu bapa

Lampiran F : Contoh temu bual dengan guru



PustakaTBainun



ptbupsi

Lampiran G : Jadual pemerhatian prasekolah

G1 – Prasekolah SKPP

G2 - Tabika KEMAS

G3 – Tabika MM Eduworld

Lampiran H : Contoh pemerhatian

H1 – Prasekolah SKPP

H2 - Tabika KEMAS

H3 – Tabika MM Eduworld



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendahuluan

Salah satu langkah awal dalam memberi pendidikan kepada anak-anak ialah dengan menghantar anak-anak ke sesuatu institusi pendidikan prasekolah. Setiap ibu bapa yang menghantar anak ke institusi tersebut mempunyai harapan dan alasan yang tersendiri. Namun pada kebiasaananya, hampir keseluruhan ibu bapa sentiasa inginkan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik daripada institusi tersebut.

Oleh itu tidak hairanlah mengapa terdapat sebilangan ibu bapa begitu mengambil berat tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak dan apa yang diajar oleh guru di pusat pendidikan prasekolah. Ada ibu bapa yang sanggup menghabiskan masa untuk



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menunggu anak-anak khususnya pada peringkat awal persekolahan untuk memastikan anak-anak mereka dilayan dengan baik dan mendapat pendidikan sepetimana yang diingini oleh para ibu bapa. Sungguhpun begitu, kebiasaananya ibu bapa meletakkan kepercayaan dan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak guru dan kakitangan pusat prasekolah untuk merealisasikan hasrat mereka dalam menghantar anak ke prasekolah tersebut.

Ekoran itu, timbul persoalan bagaimana hasrat ibu bapa dapat ditunaikan sekiranya tiada hubungan, penglibatan dan kerjasama daripada pihak ibu bapa dan guru di prasekolah. Adakah ibu bapa dan guru-guru prasekolah bersedia untuk menerima perkongsian tanggungjawab ini? Memandangkan Kementerian Pelajaran Malaysia mengakui pentingnya aspek penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, maka kajian ini ingin meninjau sejauh manakah ibu bapa dan guru mengambil tindakan untuk merealisasikan idea yang terkandung dalam Huraian Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (2003), Bahagian XI : Penglibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti Dalam Pendidikan Prasekolah yang mewajarkan ibu bapa memainkan peranan penting dalam :

- mengukuhkan pembelajaran,
- menyumbangkan kepakaran atau sebagai rujukan,
- memberi sumbangan tenaga dan bahan, dan
- memberi khidmat kebajikan

Manakala pihak guru pula diminta untuk bersedia mewujudkan ‘perkongsian’ yang berkesan dengan ibu bapa melalui:

- memahami dan menghormati peranan ibu bapa/penjaga/komuniti,
- mempunyai kemahiran interpersonal,



- memberi maklumat dari semasa ke semasa, dan
- bertindak sebagai seorang profesional

1.2 Penglibatan Ibu bapa

Setiap ibu bapa merupakan pelengkap kepada sekolah. Tanpa disedari atau tidak, secara teladan dan arahan, ibu bapa telah mengajar anak-anak. Segala perlakuan dan tindakan yang dilakukan ibu bapa mempengaruhi perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Hal ini sesuai dengan kenyataan yang dibuat oleh National Parent Teacher Association (PTA) di Amerika Syarikat (www.tea.state.tx.us), iaitu selain daripada menjadi ibu bapa, mereka berperanan sebagai model ikutan dan menjadi guru yang paling awal kepada anak-anak. Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk:

- a. menyediakan rasa selamat dan memupuk pendidikan fizikal, mental, sosial dan kerohanian kepada kanak-kanak
- b. menyediakan peluang untuk berinteraksi sesama kanak-kanak lain dan orang dewasa,
- c. menyediakan asas untuk membentuk warganegara yang bertanggungjawab, termasuk menyemat pengetahuan dan menghormati warisan khazanah kepelbagaiannya budaya dalam negara;
- d. menyediakan persekitaran rumah yang menjadi contoh dan menggalakkan komitmen pelajar untuk belajar;



- e. kenal, ingin menolong dan berinteraksi dengan guru kepada anak-anak dan pentadbir sekolah;
- f. berkomunikasi dan mengambil bahagian dalam pemilihan pegawai di sekolah (seperti ahli lembaga pengarah sekolah, penyelia, ahli majlis sekolah); dan
- g. melalui pemerhatian, pengetahuan dibina mengenai bagaimana kanak-kanak memainkan peranan dalam persekitaran sekolah

Bagi perkara (f) situasinya sama sekali berbeza dengan kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negara ini, di mana PIBGnya tidak mempunyai kuasa langsung dalam menentukan hal pemilihan pegawai di sekolah. Hal ini termaktub dalam Bahagian II-Penubuhan Persatuan Ibu Bapa Guru- perkara 5 yang menyatakan “Persatuan tidak boleh memperluaskan bidang kuasa Persatuan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran sekolah, pekerjaan dan syarat-syarat perkhidmatan guru dan kakitangan yang lain dalam sekolah.” (lihat lampiran A - Warta Kerajaan 26 Mac 1998 berkenaan Perundangan Akta Pendidikan 1996 yang menyentuh hal Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa – Guru) 1998, Bahagian II).

MacBeth (1997) juga melihat dimensi penglibatan ibu bapa di sekolah pula begitu relevan dengan lima sebab, iaitu:

1. Mengikut undang-undang dan Akta Pendidikan, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam menyekolahkan anak-anak mereka, sekiranya mereka enggan mereka boleh didenda. Ibu bapa juga berhak untuk menentukan corak pendidikan yang bakal diterima oleh anak-anak mereka.
2. Sebahagian besar masa pendidikan sebenar kanak-kanak berada di luar alam persekolahan, terutama di rumah. Oleh itu para ibu bapa bolehlah dianggap



sebagai pendidik bersama dengan guru untuk mendidik kanak-kanak. Maka, haruslah diadakan dua elemen pembelajaran iaitu pembelajaran di sekolah dan pembelajaran di rumah. Guru-guru harus menggunakan pembelajaran di rumah sebagai sumber pendidikan yang boleh dimanipulasikan.

3. Kajian lepas menunjukkan bahawa pembelajaran melalui ibu bapa mempengaruhi keberkesanan terhadap sekolah dan kanak-kanak. Ibu bapa juga boleh memberi pengaruh positif kepada pencapaian pelajar dan peningkatan mereka di sekolah melalui sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan sokongan yang diberikan. Jadi sebaik-baiknya pihak sekolah harus bijak menggunakan kesempatan ini untuk menggalakan ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan lebih berkesan kerana keputusan akhirnya akan dapat mempertingkatkan kebolehan kanak-kanak itu sendiri serta akan lebih memudahkan proses pembelajaran kanak-kanak itu di sekolah.
4. Selain menyediakan perkhidmatan profesional kepada ibu bapa, guru juga merupakan agen kepada pihak yang berkuasa terhadap pendidikan. Di samping bertindak menyampaikan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak, guru berperanan untuk memastikan bahawa ibu bapa menjalankan tanggungjawab dalam menyekolahkan anak-anak mereka, misalnya guru memaklumkan dan meminta ibu bapa untuk menjelaskan tentang ketidakhadiran anak-anak mereka.
5. Sebagai pelanggan kepada sekolah, rakan pembimbing kepada guru, dan sebagai pembayar cukai, setiap ibu bapa perlu terlibat dalam hal persekolahan dan pentadbirannya. Ibu bapa mempunyai hak dalam mempengaruhi polisi-polisi tertentu yang diamalkan di sekolah.






Sementara Robson et.al (2003) pula menggariskan beberapa sebab lain mengapa ibu bapa harus terlibat dalam hal persekolahan, iaitu semakin banyak penglibatan secara terus ibu bapa dengan aktiviti persekolahan anak-anak, semakin banyak manfaat yang boleh diperoleh. Program-program yang dijalankan di Amerika Syarikat seperti Projek Haringey dan Projek Belfield jelas menunjukkan kanak-kanak memperoleh manfaat yang besar dalam bidang bacaan, lebih bermotivasi, bersikap positif dalam bilik darjah dan meningkatkan perhubungan antara ibu bapa dengan guru, dan ibu bapa dengan anak-anak.

Penglibatan ibu bapa di sekolah boleh membantu mengelakkan berlakunya konflik antara rumah dengan sekolah, dan meminimumkan kekeliruan kepada kanak-kanak. Lebih banyak yang diketahui mengenai sesama sendiri, semakin kecil potensi berlakunya kekeliruan dan salah faham antara ibu bapa, guru dan kanak-kanak. 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi Kerjasama antara ibu bapa dengan guru pula mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri ibu bapa dan juga guru. Penglibatan ibu bapa secara terus dalam dunia persekolahan memberikan mereka pengetahuan, pendedahan dan pemahaman bagaimana pendekatan yang dilakukan oleh pihak prasekolah dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya. Manakala tanggapan umum guru terhadap seseorang pelajar pula boleh diperbetul melalui perbincangan dan penerimaan pandangan yang diberi oleh ibu bapa. Hal ini diperkatakan oleh Robson dan Smedley (2003), iaitu ‘semakin banyak yang diketahui oleh ibu bapa tentang sekolah anak-anak mereka dan kerja-kerja yang dilakukan oleh guru-guru, semakin positiflah sokongan yang diberikan oleh mereka’.



Gestwicki (2000) menvisualkan penglibatan dan kerjasama ibu bapa dengan pihak sekolah berdasarkan rajah 1.1, di mana guru dan ibu bapa memfokuskan perhatian kepada perkembangan kanak-kanak yang berada di tengah-tengah. Rajah ini tidak menunjukkan pengasingan tetapi sebaliknya menggambarkan kesatuan, pemfokusan, dan usaha ke arah pembentukan kanak-kanak.

Ibu bapa



Guru

Rajah 1.1

Pembentukan Kanak-kanak

1.3 Pernyataan Masalah

Ibu bapa ialah insan yang terawal dalam mendidik anak-anak sebelum mereka menjakkan kaki ke alam prasekolah dan persekolahan yang sebenar. Namun begitu,


apabila anak-anak mula menjengah ke alam pendidikan yang bercorak formal sama ada di pusat asuhan, taman bimbingan kanak-kanak, prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan selanjutnya ke institusi pengajian tinggi, tanggungjawab mendidik itu semakin dilepaskan kepada golongan pendidik sahaja. Tindakan yang sedemikian rupa tidak seharus berlaku. Sewajarnya ibu bapa harus terus melibatkan diri secara aktif dan berkongsi peranan dengan para pendidik dalam membesarakan anak-anak dan memberi pelajaran kepada mereka. Penglibatan positif ibu bapa menurut Wolfendale (1997) boleh meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam pelajaran, sosial dan perspektif komuniti.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah menyebabkan lebih ramai ibu bapa semakin sedar dan memahami matlamat dan aktiviti yang dilakukan di sekolah, semakin mereka memahami kesinambungan tujuan dan pengalaman persekolahan serta semakin kecil kemungkinan berlakunya konflik antara guru dan ibu bapa (Robson & Smedley, 2003). Ibu bapa yang sudi berkongsi idea dan mendapat panduan dan nasihat khusus berkaitan cara membimbing anak-anak daripada para guru sudah pastinya akan dapat menambahkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk membantu pembelajaran anak-anak mereka.

Ibu bapa juga sedar bahawa apa yang dipelajari di rumah dan di prasekolah adalah saling melengkapi. Dengan itu anak-anak akan merasakan pembelajaran tersebut memberi bukan sahaja diperoleh daripada guru di sekolah bahkan boleh diperoleh juga di rumah, di sekeliling mereka dan daripada kedua-dua ibu bapa mereka. Segala yang berlaku dalam kehidupan sehariannya saling berkaitan. Hal ini telah dinyatakan oleh MacBeth (1997), di mana persekolahan merupakan sebahagian daripada pendidikan yang

berlaku di sekolah, rumah dan komuniti. Dalam rajah 1.2, MacBeth merumuskan sumbangan dan peranan pelbagai pihak dalam hal pendidikan sebagai:

$$\text{PENDIDIKAN} = \text{pembelajaran di sekolah} + \text{pembelajaran di rumah} + \text{pembelajaran dalam komuniti}$$



Rajah 1.2
Formula Pendidikan MacBeth

Menurut beliau lagi, kanak-kanak belajar apabila mereka berada dalam keadaan sedar. Sejak lahir hingga umur mereka enam belas tahun, kurang daripada lima belas peratus kehidupan sedar mereka dihabiskan di sekolah. Ini bermakna dari segi masa, alam persekolahan yang teratur dengan pelbagai perancangan, dipenuhi dengan tenaga

profesional hanya mampu mengisi sebahagian kecil sahaja proses pendidikan kepada kanak-kanak. Sedangkan sebahagian masa sedar mereka banyak terdedah kepada alam di luar persekolahan, iaitu di rumah terutamanya pada zaman awal kanak-kanak. Oleh itu, perhatian terhadap perhubungan pendidikan antara rumah dengan sekolah harus dititikberatkan dan dijadikan suatu isu yang tidak lagi dipandang remeh.

Justeru itu, pengkaji merasakan sudah tiba masanya pihak guru dan pihak pentadbiran sekolah berani untuk membuka minda dan membuka ‘pintu bilik darjah’ atau ‘pintu sekolah’ mereka kepada para ibu bapa untuk bersama-sama mendidik para pelajar. Hal ini selaras dengan apa yang dicita-citakan dalam penggubalan kurikulum yang dimurnikan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak di prasekolah begitu penting dan diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia hingga kurikulum terkini itu telah menyenaraikan perkara **‘Bahagian XI - Penglibatan Ibu bapa/Penjaga dan Komuniti dalam Pendidikan Prasekolah’** dalam buku Huraian Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (KPM, 2003: 294).

Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan mempunyai kesan yang positif kepada murid, ibu bapa dan guru. Murid akan merasakan pembelajaran bukan sahaja diperolehi daripada guru di sekolah tetapi boleh diteruskan di rumah. Guru pula akan dapat mengembangkan peranan profesional mereka sebagai pemudahcara pembelajaran kepada ibu bapa dan komuniti. Ibu bapa sebaliknya pula boleh menambah pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk membantu pembelajaran anak mereka melalui taklimat dan perkongsian ilmu daripada guru.”

Oleh itu, kajian yang dilakukan ini bertujuan mendedahkan kesungguhan dan keupayaan ibu bapa dalam melibatkan diri secara langsung dalam usaha mendidik kanak-kanak, dan meneroka inisiatif pihak guru dan kakitangan pendidikan terhadap idea penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan meninjau tentang corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah. Kajian akan melihat apakah usaha yang dilakukan oleh pihak ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak di prasekolah dan meninjau sejauhmanakah guru-guru bersedia untuk melibatkan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah. Selain itu kajian juga mencari apakah faktor-faktor yang boleh membantu atau mengekang idea ‘penglibatan ibu bapa di prasekolah’ di tiga jenis prasekolah yang berlainan jenis pentadbirannya.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan mengupas persoalan :

1. Adakah perbezaan latar belakang ibu bapa mempengaruhi pemilihan pusat prasekolah?

2. Sejauh manakah ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan prasekolah di Sekolah Kebangsaan, Tabika KEMAS dan prasekolah swasta?
3. Sejauh manakah guru-guru memainkan peranan dalam membantu penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah dari segi:
 - 3.1 membantu ibu bapa dengan kemahiran keibubapaan?
 - 3.2 mengendalikan komunikasi efektif?
 - 3.3 mengendalikan khidmat sukarela?
 - 3.4 melibatkan pembelajaran di rumah?
 - 3.5 melibatkan pembuat keputusan?
 - 3.6 menyelaraskan perkhidmatan komuniti?
4. Adakah terdapat perbezaan dari segi corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah di Sekolah Kebangsaan, Tabika KEMAS dan prasekolah swasta?

1.6 Kepentingan Kajian

Pentingnya ibu bapa melibatkan diri dengan secara aktif dalam alam pendidikan anak-anak tidak dapat dinafikan. Banyak kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti Nikko (2004), Epstein (2002), Bhering (2002) dan Wolfendale (1983) membuktikan keberkesanan penglibatan ibu bapa dalam membantu memudahkan urusan guru, memperkembangkan diri kanak-kanak melalui emosi, tingkah laku dan konsep kendiri. Walaupun kajian-kajian lepas telah menjelaskan berlakunya peningkatan dan kebaikan berbagai-bagai program yang melibatkan ibu bapa dengan dunia persekolahan di luar

negara , namun tampaknya di Malaysia program penglibatan ibu bapa dengan dunia persekolahan, khususnya alam pendidikan prasekolah masih kurang dan jarang diamalkan. Diharap melalui kajian ini akan terjawab persoalan tentang bentuk penglibatan ibu bapa yang berlaku di prasekolah-prasekolah yang tertentu.

Kajian yang dilakukan ini turut menyokong dapatan kajian-kajian lepas bahawa kejayaan program penglibatan ibu bapa di prasekolah boleh mendatangkan kesan yang positif terhadap pencapaian kanak-kanak sepermulaan yang diamalkan oleh negara-negara barat. Pendedahan tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu program penglibatan ibu bapa pula diharap akan dapat membantu golongan ibu bapa dan pendidik khasnya tentang bagaimana mereka boleh merealisasikan apa yang dicita-citakan dalam Bahagian XI Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan prasekolah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini kajian kes di tiga jenis prasekolah. Generalisasi yang boleh dibuat adalah terhad kerana kajian yang dilakukan hanya melibatkan guru dan kakitangan prasekolah di sekolah kebangsaan , prasekolah milik KEMAS dan prasekolah swasta di dalam daerah Kinta, Perak. Guru dan kakitangan di ketiga-tiga prasekolah yang terpilih ditemu bual berkenaan amalan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah. Selain itu, ibu bapa kepada pelajar-pelajar yang pernah menerima pendidikan prasekolah pada tahun 2004 dipilih dan ditanya berkenaan amalan penglibatan ibu bapa di prasekolah. Ibu bapa

pelajar-pelajar ini dipilih kerana ingatan mereka terhadap apa yang dilalui semasa menghantar anak-anak ke prasekolah masih lagi segar dan mereka juga telah menempuh pengalaman berhadapan dengan guru, kakitangan dan pihak pentadbir prasekolah.

1.8 Definisi

Penglibatan ibu bapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), kata ‘terlibat’ memberi maksud ‘termasuk (dalam sesuatu hal), terbabit. Manakala ‘penglibatan’ pula ialah ‘perihal melibatkan diri dalam sesuatu hal (perkara dsb). ‘Ibu bapa’ menurut Kamus Dewan merujuk kepada ‘orang tua (yakni emak dan ayah). Akta Pelajaran 1961, Kaedah-kaedah Persatuan Ibubapa Guru-guru (PIBG) 1973, meluaskan makna itu kepada mereka ‘seorang penjaga dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan di sisi undang-undang atau kawalan sebenarnya atas seseorang kanak-kanak’.

Definisi yang dipetik daripada kenyataan oleh National PTA Boards of Directors, 1991 tentang penglibatan ibu bapa pula ialah:

Parent involvement is the participation of parents in every facet of the education and development of children from birth to adulthood, recognizing that parents are the primary influence in children's lives. Parent involvement takes many forms, including the parents' shared responsibilities in decision about children's education, health and well-being, as well as the parents' participation in organizations that reflect the community's collaborative aspirations for all children.

(dipetik daripada www.tea.state.tx.us)

Cotton dan Wiklund (1989) mendefinisikan penglibatan ibu bapa sebagai beberapa bentuk penyertaan dalam pendidikan bersama dengan pihak sekolah. Ibu bapa

boleh membantu anak-anak mereka dengan menghadiri aktiviti sekolah, membantu meningkatkan pembelajaran, memberi galakan, mengatur jadual belajar, memberi contoh yang baik kepada anak-anak, memantau kerja sekolah dan sering mendidik anak di rumah. Sementara penyertaan di sekolah pula boleh dilakukan dengan menyertai aktiviti di dalam kelas dan di sekolah, atau mengambil bahagian yang aktif dalam mentadbir dan membuat keputusan dalam hal merancang, membangunkan serta menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak dalam sesuatu komuniti.

‘Penglibatan ibu bapa’ menurut Gestwicki (2000) ialah semua istilah yang boleh digunakan untuk mendefinisikan penglibatan program interaksi ibu bapa: membina polisi, pendidikan ibu bapa, mengumpul dana, khidmat sukarela, mahupun semudah pertukaran maklumat mengenai pelbagai aspek dengan kakitangan sekolah. Penglibatan ibu bapa berterusan daripada bentuk kawalan ibu bapa yang dijangkakan terhadap golongan profesional kepada bentuk kawalan yang terlalu rendah. Ibu bapa mungkin dibebankan dalam pelbagai peranan terhadap anak-anak mereka kepada pelajar-pelajar, di samping meletakkan kakitangan sekolah daripada berperanan sebagai pelayan kepada orang berilmu.

Pendidikan prasekolah

Menurut Nor Hashimah dan Yahya (2003), pendidikan prasekolah yang juga dikenali sebagai ‘tadika/tabika’ telah digunakan secara meluas di Malaysia bagi merujuk pendidikan awal kanak-kanak. Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) merupakan program yang diperuntukkan kepada kanak-kanak berumur di bawah empat tahun dan perlu didaftarkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Manakala program Taman

Didikan Kanak-kanak (Tadika) yang akan disebut prasekolah dalam kajian ini merupakan menawarkan pendidikan kepada ‘murid’ ertiannya kanak-kanak berumur dari empat hingga enam tahun dalam seksyen 24 Akta Pendidikan 1996 dan perlu didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat prasekolah yang menerima kanak-kanak berumur 2 dan 3 tahun ke dalam institusi mereka bersama-sama kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun, khususnya prasekolah persendirian (Asiah, 2001).

Prasekolah Tabika Kemas

Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah ditubuhkan semenjak 1961 atas nama ‘Bahagian Pelajaran Dewasa’. Asas penubuhan KEMAS ialah untuk membasmi masalah buta huruf di kalangan rakyat luar bandar. Tetapi menjelang 1970, melalui Gerakan Pembaharuan 1971, KEMAS telah diubah perancangannya dalam proses pembangunan masyarakat. Peranan dan kerja-kerja KEMAS menjadi lebih meluas dan mencabar dalam konteks pembangunan masyarakat berpandukan konsep 3K, iaitu: *Kehendak, Keperluan, dan Keupayaan* masyarakat sendiri (Wan Azmi Ramli, 1992).

Melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, persatuan atau pertubuhan, masyarakat boleh memohon kepada Pejabat KEMAS Kawasan untuk menyediakan perkhidmatan prasekolah KEMAS di sesuatu kawasan. Pihak KEMAS akan mengenal pasti tanah tapak bersesuaian dan strategik milik Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat. Sekiranya lokasi atau bangunan tersebut milik tanah persendirian, pihak KEMAS dengan bantuan masyarakat melalui Jawatankuasa Penaja boleh membeli tanah atau premis tersebut. Pihak KEMAS Kawasan seterusnya akan membekalkan keperluan

lain seperti peralatan dan perabot. Setelah mendapat kelulusan penubuhan TABIKA daripada KEMAS, Jawatankuasa Penaja akan mengadakan majlis penerangan dan menubuhkan Jawatankuasa TABIKA untuk menguruskan TABIKA dari aspek pelaksanaan dan kewangan (www.kemas.gov.my.)

Di bawah aktiviti Program Pembangunan Keluarga pada tahun 1971, sebanyak 10 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS (Tabika KEMAS) telah ditubuhkan. Tabika KEMAS merupakan satu kegiatan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak dalam usia 4-6 tahun yang antara objektifnya ialah untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, berdaya tahan dan memiliki nilai-nilai murni sehingga mampu menghadapi saingan dan cabaran bagi menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan. Selain itu ia akan meningkatkan perkembangan sosio-emosi, fizikal, intelek dan rohani serta memberi kemahiran 3M kepada kanak-kanak melalui pendidikan prasekolah Tabika KEMAS.

Penubuhan prasekolah contoh ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan hingga mendesak KEMAS menubuhkan lebih banyak prasekolah di seluruh negara. Hari ini, KEMAS bukan sahaja berjaya menyediakan perkhidmatan prasekolah kepada masyarakat Malaysia malah begitu komited dalam dunia prasekolah hingga mampu menjadi pembekal utama alat-alat prasekolah di Malaysia (Asiah 2001).

Prasekolah Sekolah Kebangsaan

Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mempelopori pendidikan prasekolah seawal agensi kerajaan seperti KEMAS, pihak swasta dan persendirian namun kementerian memberi sumbangan awal mulai 1972 melalui peranan Pusat Perkembangan

Kurikulum (PPK) yang mengambil alih Projek Pendidikan Pemulihan yang dibiayai oleh Yayasan Bernard Van Leer. Pihak PPK telah menghasilkan buku panduan pendidikan prasekolah bertajuk *A Guide for Pre-school Education* dan *A Guide for Nurseries* (Asiah, 2001).

Dalam tempoh awal itu, Kementerian Pendidikan hanya bertanggungjawab dalam menyediakan kurikulum prasekolah, memberi latihan perguruan kepada guru prasekolah, dan menguruskan pendaftaran prasekolah. Bagi menjamin peluang pendidikan prasekolah supaya dapat diikuti oleh semua kanak-kanak dan dengan tujuan menyeragamkan perlaksanaan kurikulum, Kementerian Pendidikan mengorak langkah memperkenalkan pendidikan prasekolah di beberapa sekolah rendah terpilih di Malaysia pada Disember 1991 (Nor Hashimah dan Yahya, 2003).

Hasil mesyuarat antara Kementerian yang berlangsung pada 27 Januari 1992, sebanyak 1,131 buah kelas tadika aneks diletakkan di sekolah-sekolah kebangsaan termasuk 26 buah maktab melalui Projek Rintis Pendidikan Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (www.moe.gov.my). Kelas-kelas tadika aneks ini diserahkan kepada Bahagian Sekolah untuk pelaksanaan dan pengurusan. Sebutan tadika aneks digugurkan dan digantikan dengan ‘*prasekolah sekolah kebangsaan*’. Pada tahun 2002, hasil mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Januari 2001, bermulalah peluasan program Prasekolah KPM dengan 100 kelas ditambah.

Pada tahun 2003 sejumlah 1,500 kelas ditambah lagi dan sehingga kini bilangannya meningkat dengan pesatnya ke angka 2,731 kelas prasekolah termasuk 23 buah maktab perguruan telah menjalankan program prasekolah kepada guru-guru pelatihnya (Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan, 2003). Peluasan ini bakal



diteruskan lagi dengan perakuan komitmen hasrat Kementerian Pendidikan untuk mempastikan setiap sekolah kebangsaan mempunyai sekurang-kurangnya satu kelas dan maksimumnya tiga buah kelas prasekolah pada tahun 2010 (PPK, 2003).

Penubuhan kelas prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan mengambil kira beberapa kriteria tertentu yang antaranya ialah:

- lokasi pedalaman/luar bandar/pinggir bandar/bandar
- murid tahun satu yang tidak berprasekolah tinggi
- tiada operator tadika lain
- mengambilkira pendaftaran murid tahun satu bagi tahun berikutnya (lebih 15 orang)
- kemudahan ubah suai/ bina bilik darjah
- permintaan masyarakat tempatan



Dalam memilih murid-murid ke prasekolah pula, pihak kementerian telah menetapkan beberapa syarat yang antaranya ialah kanak-kanak tersebut mestilah warganegara Malaysia yang berumur lima dan lima (+) tahun. Keutamaan pemilihan mereka juga berdasarkan pendapatan yang rendah dan tanggungan ibu bapa/penjaga yang berat. Perkara ini amat dititikberatkan memandangkan pendidikan prasekolah secara percuma ini merupakan tanggungjawab sosial kerajaan dalam membantu golongan miskin. Selaras dengan itu juga, setiap murid yang dipilih untuk bersekolah di prasekolah kebangsaan turut menerima bantuan makanan berjumlah RM1.50 sehari bagi tempoh 200 hari persekolahan. Manakala pihak prasekolah juga menerima geran per kapita sebanyak RM2,500.00 bagi setiap kelas (RM100 X 25 murid X 1 kelas) dalam setahun bagi



membantu membiayai perbelanjaan pengurusan pengajaran dan pembelajaran prasekolah (www.moe.gov.my).

Prasekolah Persendirian/Swasta

Pertumbuhan prasekolah persendirian di negara bermula dengan adanya permintaan daripada masyarakat pada awal 70-an dan kini ianya begitu pesat membangun. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor yang antaranya ialah perubahan dasar negara ke arah perindustrian yang mencetuskan kepada permintaan tenaga kaum wanita untuk bekerja, kesedaran dan perubahan sikap wanita, dan kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan kepada anak-anak. Permintaan masyarakat yang meningkat ini gagal dipenuhi oleh pihak kerajaan melalui agensi-agensinya. Maka dengan itu Kementerian Pelajaran telah membenarkan pihak individu, persatuan atau syarikat swasta untuk menjalankan perkhidmatan pendidikan prasekolah dengan syarat mereka perlulah mendaftar dengan kementerian.

Kewujudan prasekolah sekolah kebangsaan, Tabika KEMAS dan prasekolah swasta memberi gambaran yang sihat kepada kesedaran masyarakat Malaysia dalam hal pendidikan awal kanak-kanak. Masyarakat Malaysia seperti masyarakat dunia maju memberi harapan yang besar kepada pendidikan untuk mencorak kehidupan generasi muda. Pendidikan prasekolah secara asasnya memberi perkhidmatan untuk menyediakan kanak-kanak kepada dunia persekolahan yang sebenarnya.

Namun begitu, kepelbagaian agensi yang menganjurkan pendidikan prasekolah ini mengikut Nor Hashimah dan Yahya (2003) telah menimbul pelbagai

ketidakseragaman pentadbiran dan pelaksanaan kurikulum prasekolah. Perkara ini pernah dinyatakan oleh Susean (1993) iaitu, setiap agensi yang menjalankan perkhidmatan pendidikan prasekolah ini mempunyai matlamat, tanggapan, orientasi, keutamaan, dan kemampuan yang tersendiri dan berbeza-beza khasnya dalam aspek penggunaan bahasa pengantar, kurikulum, latihan ikhtisas, kelayakan akademik guru, gaji guru dan penempatan pelajar serta penempatan prasekolah dan kemudahan-kemudahan asas.

Taska dan Tabika MM Eduworld secara dasarnya menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun MM Eduworld juga menyediakan kurikulum tambahan seperti kelas Komputer, Muzik dan Pergerakan, dan Bahasa Mandarin. Hal ini berlaku kerana setiap prasekolah berhak untuk menentukan objektif pendidikannya yang tersendiri. Setiap prasekolah mempunyai matlamat, aktiviti dan juga cara pelaksanaan yang berbeza (Asiah, 2001).

MM Eduworld yang merupakan anak syarikat kepada sebuah rangkaian perniagaan yang terlibat dalam industri perkhidmatan pendidikan peringkat prasekolah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi swasta, pelaburan hartanah, pembinaan, perhotelan dan rangkaian pasaraya, juga mempunyai corak pentadbiran yang berorientasikan perniagaan (www.mmsbeduworld.com.my). Selain daripada mencari keuntungan dalam perniagaan, MM Eduworld yang kini mempunyai empat cawangan di daerah Kinta mempunyai objektif untuk:

- memberi perkhidmatan yang berkualiti dalam asuhan kanak-kanak dan pendidikan prasekolah;



- membina pertumbuhan dan perkembangan setiap anak didik (fizikal, minda, sosial, moral, emosi dan kognitif)
- memupuk perkembangan kebebasan, keyakinan diri, bersikap positif terhadap bermain, bekerja dan belajar.

Dengan ketidakseragaman itu sudah pasti terdapat juga perbezaan corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah. Kajian yang dijalankan ini, cuba mengetengahkan corak penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak prasekolah, mengenalpasti persamaan dan perbezaan sekiranya ada, dan cuba menyelidiki faktor-faktor penyumbang yang menentukan kelainan tersebut.

